

**BULETIN**

# **INTEGRITI**



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Edisi Pertama 2019

ISSN: 0128-2727



# KANDUNGAN

## Buletin Integriti



No.	Tajuk	Muka Surat
1.	Kata- Kata Aluan YAS Ketua Pesuruhjaya Bomba .....	i
2.	Tinta Ketua Editor .....	ii
3.	Majlis Persaraan Ketua Unit Integriti .....	1
4.	Majlis Serah Tugas Ketua Unit Integriti .....	2
5.	Bengkel Pembangunan Modal Insan Governans Integriti dan Anti Rasuah Bil 1/2019 .....	3
6.	Bicara Integriti .....	4
7.	Mesyuarat Urusetia Lembaga Tatatertib Bil 1/2019 .....	5
8.	Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib .....	6
9.	Tahukah Kita???????????? Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah ....	7-8
10.	National Anti Corruption Plan (NACP) .....	9-10
11.	Analisa Statistik Tatatertib .....	11
12.	Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bil 1/2019 .....	12
13.	Pengurusan Aduan JBPM .....	13
14.	Segmen Integriti .....	14
15.	Majlis Perasmian Penutupan Forum Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 1 Tahun 2019 .....	15

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

# **INTEGRITI** adalah satu jalan lurus yang tidak memerlukan peraturan untuk bersikap jujur dan telus

## KATA-KATA ALUAN YAS KETUA PESURUHJAYA BOMBA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat Dan Mesra Dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW serta keberkatanNya dapat terus menabur bakti kepada tanah air tercinta. Dikesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Integriti atas penerbitan Buletin Integriti edisi 1/2019 melalui usaha dan kreativiti tersendiri dalam usaha memartabatkan integriti dalam jabatan ini.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak Jabatan, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih di atas khidmat bakti PPjB Tuan Norizan Bin Sulaiman selama berkhidmat sebagai Ketua Unit Integriti bermula tahun 2013 sehingga Februari 2019 khasnya dan di jabatan ini selama 41 tahun. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan jabatan di kedudukan pada masa kini. Banyak cabaran dan kejayaan yang telah tuan harungi semoga ianya akan kekal dalam ingatan dan lipatan sejarah selamanya.

Selanjutnya juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PPjB Tuan Abu Obaidat Bin Haji Mohamad atas perlantikan selaku Ketua Unit Integriti JBPM yang baharu berkuatkuasa mulai 15 Mac 2019. Harapan saya, agar tuan dapat melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti.

Keikhlasan, kejujuran, keutuhan dan kesempurnaan merupakan elemen terpenting terhadap keberkesanannya nilai integriti dalam diri setiap individu terutama melibatkan tadbir urus organisasi dalam memacu jabatan ini mencapai matlamat yang diimpikan. Melalui sokongan dalam pelaksanaan program-program pengukuhan dan pemerkasaan integriti yang mendorong ke arah penerapan dan pemahaman terhadap elemen tersebut.

Setiap individu yang mempunyai nilai integriti yang mampan tidak hanya akan menjadi warga jabatan yang berdedikasi dan berdisiplin tinggi namun ianya juga secara langsung membantu memberi impak dan nilai yang positif sebagai tauladan yang baik terhadap masyarakat awam melalui akhlak dan tingkah laku terpuji.

Cerminan utama terhadap organisasi adalah melalui komitmen dan kesungguhan seluruh warga jabatan dalam menterjemahkan segala pengetahuan dan kefahaman terhadap nilai tertinggi integriti melalui pembudayaan yang berterusan pada setiap masa dan ketika dalam mengamalkan etika kerja dan nilai-nilai yang terpuji dan berkualiti. Melalui ruangan ini saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga jabatan atas kesungguhan dan kecemerlangan yang telah ditunjukkan bagi memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia khususnya terus bergerak ke hadapan bagi merealisasikan impian sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Akhir kalam, besarlah harapan saya untuk melihat seluruh warga jabatan, dapat menghadami dengan sepenuh hati akan nilai integriti agar ianya dapat diperaktikkan oleh semua warga Jabatan dalam memacu sebuah agensi yang lebih cemerlang.

Sekian, terima Kasih.

Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

## Sidang Editorial

### Penaung

YAS Dato' Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### Penasihat

YAS Dato' Hj. Amer Bin Hj. Yusof  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Soiman Bin Jahid  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### Ketua Editor

PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad  
Ketua Unit Integriti

### Editor

PgKB I Aswadi Bin Hj. Ismail  
Encik Mohd Faruqi Bin Badron

### Penulis

PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin  
PgKB II Ahmadi bin Muhamad Hassan  
PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan  
Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutalib  
Puan Nor Hasmardiana Binti Kamarudin  
Cik Syafiqah Khuzaimah binti Mohamad Shazali

### Jurugambar

Encik Patrick Jelai Jali

### Penerbit

Unit Integriti  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



## Tinta KETUA editor

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Cepat Dan Mesra dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya bersama dalam Buletin edisi 1/2019 ini buat pertama kalinya menerajui Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dengan rendah hati saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAS Dato' Muhammad Hamdan bin Hj Wahid, Ketua Pengarah JBPM serta Pengurusan Tertinggi Jabatan kerana telah memberikan kepercayaan untuk saya mengetuai Unit Integriti JBPM bermula 15 Mac 2019. InsyaAllah saya akan melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin, bersemangat dan iltizam yang tinggi dalam usaha memperkasakan integriti dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Apa yang diharapkan dengan adanya Buletin Integriti ini, maka semangat dan keazaman kita dalam memastikan pembudayaan integriti sentiasa dihayati akan jadi lebih cemerlang dan terbilang. Sebagai individu yang juga pegawai tidak kira apa jua jawatan di jabatan ini, kita semestinya sentiasa berusaha menjadi contoh yang terbaik. Suatu masa dahulu kita didokong oleh slogan "Kepimpinan melalui teladan" saya percaya dan penuh yakin bahawa kita semua merupakan pemimpin yang terbaik. Sebagai pemimpin yang berkualiti kita juga dituntut untuk memimpin diri kita sendiri supaya sentiasa meningkatkan pencapaian kebolehan dan kemahiran kita. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan imej jabatan perlu berada dalam lingkungan yang terbaik selaku pegawai atau pemimpin dalam jabatan.

Akhir Kalam, saya menyeru kepada seluruh Warga Jabatan untuk bersama-sama dengan Unit Integriti dalam membudayakan integriti dari segenap aspek kehidupan kita, semoga segala usaha kita akan dapat melahirkan Pegawai Bomba yang berintegriti.

Sekian terima kasih.

PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad  
Ketua Unit Integriti, JBPM

**"Wrong is wrong, even if everyone is doing it,  
Right is right ,even if no one is doing it"**



## Majlis Persaraan Ketua Unit Integriti

Pada 31 Januari 2019 pula selepas selesai Mesyuarat Urusetia Lembaga Tatatertib Bilangan 1 Tahun 2019 di Bilik Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan Majlis Persaraan PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis tersebut telah dihadiri oleh YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian dan Penolong Pengarah Pengurusan Negeri. Majlis ini diadakan sempena meraikan hari terakhir PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman sebagai Ketua Unit Integriti. Dalam majlis tersebut YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof telah merakamkan ucapan penghargaan kepada PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman setelah 41 tahun memberikan sumbangan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ketua Unit Integriti JBPM yang pertama pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan integriti di kalangan pegawai dan anggota jabatan antaranya ialah dengan melaksanakan Forum Pemerkasaan Integriti, Executive Talk, Naziran bahagian dan balai selain meningkatkan tadbir urus jabatan dengan penghasilan Pelan Integriti Bomba, Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI), Corruption Risk Management (CRM) dan pelbagai lagi program yang dalam proses penghasilan. Kemuncak majlis perpisahan dimana PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman mengetik kad perakam waktu di Lobi Ibu Pejabat tepat jam 4.30 petang sambil disaksikan oleh Dato' Hj Amer bin Hj Yusof dan pegawai-pegawai kanan lain jabatan. Selepas sahaja selesai mengetik kad perakam waktu, semua pegawai mengambil peluang untuk bersalaman dan berpelukan dan mengiringi beliau ke kenderaan menandakan berakhirnya perkhidmatannya sebagai penjawat awam.

# Majlis Serah Tugas

## Ketua Unit Integriti

22 Mac 2019 – Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad telah dilantik sebagai Ketua Unit Integriti berkuatkuasa 15 Mac 2019. Beliau mengambil alih tempat PPjB Norizan bin Hj Sulaiman yang telah bersara wajib pada 1 Februari 2019 selepas berkhidmat selama 41 Tahun. Majlis Penyerahan nota serah tugas ini disaksikan oleh YAS Ketua Pengarah JBPM Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya. Turut hadir Dato' Hj Amer bin Hj Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS Tuan Edwin Galan Teruki, Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran serta PPjB Siti Rohani binti Nadir, Pengarah Bahagian Korporat.



**“Melakukan perbuatan yang **baik dan betul**,  
walaupun menemui jalan yang **berliku**”**



# Bengkel Pembangunan Modal Insan Governans Integriti dan Anti Rasuah Bil 1/2019



Dalam meneruskan kesinambungan penganjuran program-program yang telah diadakan sebelum ini, JBPM pada 8-11 April 2019 telah mengadakan Bengkel Pembangunan Modal Insan Governans Integriti dan Anti Rasuah (PMIGIA) siri 1/2019 yang merupakan penjemanaan semula program Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) yang sebelum ini diadakan dengan menampilkan kelainan dari segi pengisian program.

Seramai 40 orang Pegawai Kanan yang terpilih untuk mengikuti bengkel ini bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu selama 3 hari 2 malam. Peserta telah didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan Tatatertib, budaya kerja berintegriti, rasuah, penyelewengan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pencegahan dan penyalahgunaan dadah dan isu-isu berkaitan dengan Integriti.



Antara penceramah yang terlibat adalah YBhg. SS Dato' Dr. Haji Zulkifli bin Haji Muda, Mufti Negeri Terengganu, Pn Nor Hidayah Binti Md Noor dari SPRM Terengganu, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Institut Integriti Malaysia, En Sairil Syam bin Abd Wahab, Jabatan Audit Negara, Pn Junainah binti Ahmad Desa dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), En khairul Izhar bin Mat Tahar, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Encik Mohammad Shahizan bin Abdullah, Cawangan Sumber Manusia JBPM.

# Bicara Integriti



YBhg SS Dato' Dr. Hj Zulkifly bin Haji Muda menyampaikan bicara integriti



11 April 2019 - Dalam menyemat Integriti dalam warga Jabatan, usaha pembudayaannya sentiasa diteruskan lagi. Untuk itu satu siri ilmu Bicara Integriti telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu dengan Panelnya adalah YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj Zulkifly bin Haji Muda dengan tajuk "Integriti Dihayati Bukan Dikhianati". Bicara tersebut telah dimoderatorkan oleh Penulis Buku Abang Bomba I Love U iaitu PgKB II Zulkifli bin Che Noh. Seramai 150 orang pegawai kanan Jabatan serta peserta-peserta kursus yang hadir dalam sesi Bicara tersebut yang diadakan di Auditorium Dato' Seri Wan Mohd Noor bin Hj Ibrahim pada jam 11.00 pagi.

YBhg. SS Dato' telah menerangkan bahawa Integriti amat penting dalam kehidupan manusia untuk diamalkan dengan istiqomah dan mengambil contoh-contoh sirah nabi dalam menerapkan Integriti dalam diri sahabat-sahabat yang telah mengambil masa selama 12 tahun yang dilaksanakan tanpa jemu dan berputus asa. Begitu juga kesan buruk sekiranya Integriti ditinggalkan akan menyebabkan banyak kerosakan dan umat manusia akan dilaknat oleh Allah SWT.

# Mesyuarat Urusetia Lembaga Tatatertib Bil 1/2019



31 Januari 2019 - Mesyuarat Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Bil. 1 Tahun 2019 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya. YAS Ketua Pengarah, Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid dengan diiringi oleh YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof telah meluang masa mempengerusikan mesyuarat kali ini.



Mesyuarat tahunan bersama YAS Ketua Pengarah ini dilihat sebagai satu platform khusus untuk perkongsian ilmu berkaitan pengurusan tatatertib selain membincangkan hal-hal berkaitan isu integriti dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Mesyuarat kali ini merupakan mesyuarat terakhir Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PPjB Norizan bin Hj Sulaiman bersama-sama dengan semua urusetia Lembaga Tatatertib seluruh JBPM negeri sebelum menamatkan perkhidmatannya dalam Perkhidmatan Awam setelah memegang jawatan Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bermula pada tahun 2013 yang juga merupakan penyandang pertama jawatan tersebut.

Dalam ucapan aluan, Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman kerana telah menjalankan amanah yang diberikan dengan sempurna sehingga menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai salah satu Jabatan yang disegani dalam pengamalan nilai-nilai integriti keseluruhan warga Jabatan.



# Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib

Siri Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib diteruskan lagi pada tahun 2019 dengan mensasarkan lima Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri untuk dilaksanakan naziran.

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bil. 1 Tahun 2019 dimulakan dengan melaksanakan naziran ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang pada 20 hingga 22 Februari 2019. Tiga buah Balai Bomba dan Penyelamat telah dipilih secara rawak untuk dilaksanakan naziran iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal, Balai Bomba dan Penyelamat Penanti, dan Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Mertajam.



Naziran yang diadakan bertujuan untuk melihat pematuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan selain meninjau pelaksanaan Kad Perakam Waktu dan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016. Naziran antara lain adalah untuk mendidik, merunding dan membantu balai-balai dalam memastikan peraturan yang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya.

Naziran ini diketuai oleh Ketua Seksyen Pengesanan, Pengesahan dan Tatatertib, Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Encik Mohd Faruqi bin Badron dan dibantu oleh Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutualib dan Encik Patrick Jelai Jali.





# Tahukah Kita????????????? Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah

## Pengenalan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, peranan dan fungsi Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah ditukar ganti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) ke arah membentuk sistem pentadbiran yang lebih bersih, telus, efektif dan terbuka melalui tindakan mencegah penyelewengan dan ketirisan dana kerajaan demi kebajikan rakyat dan kepentingan negara.

Pelaksanaan ini akan dilaksanakan melalui satu sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan di peringkat kebangsaan selaras dengan penubuhan **Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)** yang melibatkan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- **Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)** bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK); dan
- **Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)** peringkat kebangsaan bagi menggantikan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan



Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK)



Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)



Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)




Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

Penubuhan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Bertujuan untuk mengenal pasti dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu-isu governans, integriti dan rasuah.

## Empat temar rujukan yang digunakan iaitu:

<b>Dasar, Perundangan dan Peraturan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>* Mengenal pasti, mengkaji serta memperkuat pindaan atau keperluan mana-mana dasar dan perundangan;</li> <li>* Mempertingkatkan kawalan dalam;</li> <li>* Mewujud dan mendokumentkan pelan pencegahan.</li> </ul>
<b>Sistem dan Prosedur Kerja</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>* Mengenal pasti dan mengkaji kelemahan/keperluan sistem dan prosedur kerja;</li> <li>* Mengambil tindakan untuk menambah baik dan memperakurkan perubahan dalam sistem dan prosedur kerja</li> </ul>
<b>Pengukuhan Governans dan Integriti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>* Mengenal pasti isu dan tindakan yang bersesuaian bagi memperkuatkuan aspek governans dan Integriti melalui Inisiatif pencegahan, penggalakan dan pembudayaan governans dan penginstitusian Integriti secara terancang</li> </ul>
<b>Pengesahan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>* Melaksanakan tindakan pengesahan, pematuhan, punitif dan pemulihan;</li> <li>* Bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan atau mana-mana pihak lain;</li> <li>* Mengambil tindakan pembetulan dan pencagahan dengan segera</li> </ul>

## Struktur Aliran Pelaksanaan JKKMAR & JAR



## Pelaksanaan JAR

- Mesyuarat JAR perlu dilaksanakan di Peringkat Kementerian/Jabatan dan Agensi Persekutuan.
- Mesyuarat JAR di peringkat Kementerian dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri KSU. Manakala di peringkat jabatan dan agensi dipengerusikan oleh Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing.

Mesyuarat perlu dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu Januari, Mei dan September setiap tahun dan seterusnya melaporkan status tindakan JAR di peringkat yang lebih tinggi dengan mekanisme pelaporan dan pemantauan yang ditetapkan.

Sehubungan itu, JBPM Negeri hendaklah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuh sebelum Ibu Pejabat JBPM mengadakan mesyuarat. Hasil atau laporan yang diperolehi diperingkat JAR negeri akan dihantar kepada Unit Integriti yang kemudian akan diperbincangkan dalam mesyuarat peringkat Ibu Pejabat dan sekiranya perlu dibawa kepada Mesyuarat peringkat Kementerian, maka isu tersebut akan diperbincangkan pada peringkat tersebut. Perbagai isu yang boleh dimesyuaratkan terutamanya yang melibatkan ruang dan peluang berlakunya rasuh yang ada dalam Jabatan serta amalan-amalan tadbir urus yang baik yang boleh diamalkan oleh lain-lain pihak boleh dibangkitkan. Diperingkat negeri boleh dilaksanakan oleh Penolong Pengarah Latihan selaku Pegawai Seranta Integriti dengan dibantu oleh Penolong Pengarah Pengurusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuh.

## Keanggotaan JAR Peringkat Ibu Pejabat JBPM

<b>Pengerusi</b>	Yas Ketua Pengarah
<b>Pengerusi Ganti</b>	Yas Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	
YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran	YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran	YS Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan
YS Pengarah Bahagian Latihan	YS Pengarah Bahagian Pembangunan
YS Pengarah Bahagian Udara	YS Pengarah Bahagian Pengurusan
Pengarah Bahagian Pengurusan	YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
<b>Uru Setia</b>	
Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu	
Unit Integriti JBPM	

## Keanggotaan JAR Peringkat JBPM Negeri

<b>Pengerusi</b>	Pengarah
<b>Pengerusi Ganti</b>	Timbalan Pengarah
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	
Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran	Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Penolong Pengarah Bahagian Latihan
Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan	Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan
<b>Uru Setia</b>	
Ahli-ahli lain yang difikirkan perlu	
PP Bhg. Latihan / PP Bhg. Pengurusan	

Pelaporan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Kebangsaan sebelum atau pada minggu kedua bulan **Januari, Mei dan September**



## PERANAN & TANGGUNGJAWAB JAR PERINGKAT KEMENTERIAN DAN JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN

- Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kebangsaan.

# National Anti Corruption Plan

Pewujudan National Anti Corruption Plan (NACP) adalah tercetus semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di mana Pakatan Harapan memberikan penekanan kepada usaha untuk memastikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Usai PRU-14, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini.

Maka terhasilah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sebagai dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah. Pelan ini akan menjadi pelan pertama seumpamanya yang merangkumkan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam suatu kerangka bersepada. Majlis Pelancaran Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan pada 29 Januari 2019 sejajar dengan usaha merealisasikan hasrat kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

Visi NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu Keber tanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.

## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI

## MEMECAH RANTAIAN RASUAH

Kerajaan Malaysia adalah verifikasi  
mencapai aspirasi agar Malaysia dihakimi  
kerana integriti dan bukannya rasuah

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia



### PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019 - 2023



NACP menggariskan wawasan jangka panjang tindakan antirasuah ke arah negara bebas rasuah berdasarkan 22 strategi melalui 115 inisiatif anti rasuah merangkumi enam (6) sektor iaitu politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat. Melalui enam strateginya, NACP akan memastikan usaha pemberantasan rasuah diperkemas di kalangan aktor politik, entiti korporat, agensi penguatkuasaan dan pihak yang berkepentingan. Para pemegang taruh dijangka membangunkan OACP dalam menangani isu integriti, tadbir urus dan antirasuah di organisasi masing-masing. Pelan ini dibuat Bertemakan 'Memecah Rantaian Rasuah', NACP adalah pelan yang dibangunkan khusus untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun iaitu 2019-2023.



Antara isu utama yang dihadapi oleh Malaysia dalam memerangi rasuah ialah:

1. Campurtangan ahli politik dalam pentadbiran dan kewangan kerajaan
2. Kurangnya kepimpinan dan kemahuan politik
3. Badan perundangan dan badan penguatkuasaan yang bebas
4. Hukuman ringan kepada pesalah rasuah
5. Kesan kepada sestabilan ekonomi negara
6. Kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan
7. Pengguna teknologi yang terhad dalam memerangi rasuah
8. Kurangnya sokongan dan keyakinan awam
9. Ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara



## Analisa Statistik Tatatertib

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Statistik tahun 2018 menyaksikan kes tatatertib di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menurun sebanyak 55% daripada tahun sebelumnya dan merupakan kes terendah bagi tempoh 6 tahun (2012-2018). Penurunan ini menunjukkan program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini telah membawa hasil. Kursus, bengkel, forum dan naziran yang dilaksanakan dilihat mampu meningkatkan kesedaran pegawai terhadap pematuhan tatatertib.

Bil.	PERINGKAT	TAHUN											
		2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1	JBPM IBU PEJABAT	39	26	50	43	26	171	59	70	70	58	43	32
2	JBPM NEGERI	19	32	53	41	22	52	29	67	45	50	67	29
	JUMLAH	58	58	103	84	48	223	88	137	115	108	110	61

\* BUANG KERJA

2012 : 49 ORANG

2013 : 41 ORANG

2014 : 33 ORANG

2015 : 32 ORANG

2016 : 44 ORANG

2017 : 21 ORANG

## 2018 : 14 ORANG

BIL.	KATEGORI	TAHUN				
		2014	2015	2016	2017	2018
1.	AMARAN	66	44	39	39	15
2.	DENDA	1	0	0	2	4
3.	LUCUT HAK EMOLUMEN	3	4	1	6	4
4.	TANGGUH PERGERAKAN GAJI	33	24	13	21	10
5.	TURUN GAJI	17	5	1	2	2
6.	TURUN PANGKAT	0	0	0	0	0
7.	BUANG KERJA	33	32	44	21	14
8.	DILEPASKAN	9	14	9	7	12
9.	SURCAJ	3	5	7	23	9
	JUMLAH	165	128	114	121	70

STATISTIK TATATERTIB MENGIKUT JENIS KESALAHAN					
KATEGORI		TAHUN			
		2014	2015	2016	2017
TIDAK HADIR BERTUGAS DAN DAPAT DIKESAN		67	52	56	23
TIDAK HADIR BERTUGAS DAN TIDAK DAPAT DIKESAN		3	4	10	7
DADAH (PERAKUAN PEGAWAI PERUBATAN)		2	1	6	3
HADIAH KERAIAN		0	0	0	0
KELUAR NEGARA TANPA KEBENARAN		0	0	0	3
MENYELENGGARA TARAF HIDUP MELEBIHI EMOLUMEN		0	0	0	0
KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS		2	2	0	0
PEKERJAAN LUAR		0	1	0	1
RASUAH		0	0	0	0
KENYATAAN AWAM		0	2	1	0
AKTIF DALAM POLITIK TANPA KEBENARAN		0	0	0	0
GANGGUAN SEKSUAL		2	0	0	1
KES-KES MAHKAMAH		14	26	12	9
TATAKELAKUAN/ KEHILANGAN ASET ALIH/ KEMALANGAN/ KAD INDEN MINYAK		47	27	23	59
JUMLAH		137	115	108	110
					61

**Jangan Biarkan**  
**Kehidupanmu Berada Dalam Kegelapan..**  
**Kerana Dalam Kegelapan,**  
**Bayanganmu juga Akan Meninggalkanmu..**

# MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI BIL 1/2019

18 Jun 2019 – Bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bilangan 1/2019 telah diadakan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh PPjb Abu Obaidat bin Hj Mohamad selaku Ketua Unit Integriti dan telah dihadiri oleh seramai 38 orang pegawai Kor Siasatan Integriti dari JBPM seluruh negeri.

Dalam intipati ucapan aluan, Pengurus menekankan mengenai peranan pegawai Kor Siasatan Integriti dalam menjalankan siasatan serta penyediaan laporan yang berkualiti serta berwibawa dengan merujuk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.



Pegawai Kor Siasatan juga diingatkan supaya sentiasa mengamalkan nilai-nilai integriti dan menjadi pelapor kepada pelanggaran peraturan yang berlaku di Bahagian-bahagian dan juga negeri.

Mesyuarat berkala ini merupakan medium perjumpaan di antara pegawai Kor Siasatan Integriti bersama Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memastikan peranan pegawai Kor Siasatan Integriti dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berakauntabiliti.



# Pengurusan Aduan JBPM

Unit Integriti di bawah Seksyen Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan telah menerima dan memproses aduan disiplin yang diterima sama ada secara formal atau pun tidak. Setiap aduan yang diterima akan direkodkan dan dianalisa sebelum proses pengesanan dan pengesahan dilaksanakan. Peningkatan ini menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap isu-isu yang melibatkan pelanggaran tatatertib semakin meningkat. Keyakinan untuk menyalurkan aduan yang tepat kepada Unit Integriti bagi mengambil tindakan yang sejawarnya terhadap isu yang diketangahkan.

**Berikut merupakan Trend peningkatan aduan integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari tahun 2013 hingga 2018 adalah seperti Jadual berikut**

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
Jumlah Kes	32	61	40	47	48	54	282

Pelbagai saluran aduan yang diterima oleh Unit Integriti meliputi surat rasmi, emel, telefon, internet, surat layang, hadir ke pejabat, oleh pegawai dalaman dan pihak ke tiga. Jumlah aduan yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak 54 kes yang berkaitan dengan dengan isu salah laku pegawai awam menurut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993. Selain daripada itu, terdapat juga aduan yang berkaitan tuduhan rasuah, salah guna kuasa serta perlanggaran prosedur kerja.

**Statistik Aduan Mengikut Jenis Saluran dari tahun 2013 hingga 2018**

Saluran Aduan	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
Surat Rasmi	26	8	8	11	2	12	68
Emel	4	8	12	3	10	8	46
Hadir	1	1				3	5
Telefon	1	2	4	3	2	11	25
Internet		3	3	5	5	4	16
Surat layang		16	6	14	13	14	63
Pegawai dalaman		18	7	3	3	0	31
Pihak ke tiga		5		8	13	2	28
<b>JUMLAH</b>	<b>32</b>	<b>61</b>	<b>40</b>	<b>47</b>	<b>48</b>	<b>54</b>	<b>282</b>

**JIKA HILANG....**  
**...Wang boleh dicari**  
**...Harta boleh di beli kembali**  
**...Integriti, maka hilanglah kehidupan**  
**yang bermakna**

# Segmen Integriti



## GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



PANDUAN PAKAIAN  
KE PEJABAT



PERKARA YANG DILARANG  
DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

### PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

KEGAGALAN MEMATUHI GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT INI BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI INGKAR PERINTAH DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 4(2)(i). PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 YANG MENYATAKAN SEPERTI BERIKUT: **4(2)(i) "SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH INGKAR PERINTAH"**

# Majlis Perasmian Penutupan Forum Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 1 Tahun 2019



2 Julai 2019 – Kelantan Trade Centre (KTC) menjadi lokasi pilihan untuk program Bicara Governans, Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) siri 1 Tahun 2019 peringkat Zon Timur. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Program tersebut menampilkan ahli panel yang terdiri daripada Dato' Wira Dr. Ismail Haji Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, YM Profesor Madya Dr Haji Tuan Mohd Rosli Bin Tuan Hassan, Rektor UiTM Kelantan, dan Ketua Penolong Ketua Pesuruhjaya Ramli Bin Ismail, Pengarah SPRM Kelantan yang dimoderatori oleh Tn Hj Hamilye Sham Bin Harun dari INTEGRITI. Seramai 250 orang telah hadir ke forum ini yang terdiri daripada agensi penguatkuasaan dan Pihak Berkua Tempatan.

Majlis Perasmian Penutupan Forum Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) siri 1 Tahun 2019 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah JBPM. YAS Dato' Ketua Pengarah JBPM turut melawat pameran yang diadakan sempena program tersebut yang disertai oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam, PDRM serta JBPM. Hadir Sama YS PPJB Md Salleh bin Sarbini, Pengarah JBPM Negeri Kelantan serta Pegawai Jabatan serta agensi undangan.



# Jasamu Dikenang



- PPjB Norizan Bin Hj Sulaiman
- Mantan Ketua Unit Integriti (2013-2019)
- Berasal dari Rembau, Negeri Sembilan,
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, UPM
- Berkahwin dengan Puan Nor Azizah Bt Shariff dan dikurniakan 4 orang anak
  - Mohd Afzar
  - Muhamad Hilmi
  - Nur Amirah
  - Nurul 'Atiqah

## SEJARAH PERKHIRMATAN

Tahun	Pangkat	Jawatan/Tempat
1 Disember 1977	Pelatih	-
1 April 1978	Pegawai Bomba Tingkatan II	Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor
1 April 1985	Pegawai Bomba Tingkatan Kanan	Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor
15 Jun 1987	Pegawai Bomba Tingkatan Kanan	Ketua Balai, Balai Bomba Petaling Jaya
17 Julai 1989	Pegawai Bomba Tingkatan Tinggi	Ketua Balai, Balai Bomba Petaling Jaya
1 Mac 1990	Pegawai Bomba Tingkatan Tinggi	Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor
1 April 1994	Penolong Penguasa Bomba Gred Kb7	Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor
1 November 1996	Penolong Penguasa Bomba Gred KB6	Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor
16 Mei 1997	Penolong Penguasa Bomba Gred KB6	Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Bomba Dan Penyelamat Kuala Lumpur
23 Mei 2001	Penguasa Bomba Gred KB5	Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Bomba Dan Penyelamat Kuala Lumpur
15 Julai 2001	Penguasa Bomba Gred KB5	Bahagian Pencegahan Dan Keselamatan, Tetapi Ditempatkan Secara Pentadbiran Di Unit Perhubungan Awam
1 Julai 2008	Penguasa Bomba Gred KB44	Pengarah Negeri JBPM Labuan
5 Jun 2012	Penguasa Bomba Gred KB48	Ketua Unit Disiplin
19 Mei 2014	Penguasa Bomba KB52	Ketua Unit Integriti
2 Feb 2019	-	Bersara Wajib



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

ISSN 0128-2727

